



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

TINDAKAN PANTAS PDRM DALAM MENANGANI MASALAH PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL

Saya mengalu-alukan tindakan tegas dan pantas PDRM.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telahpun mengambil tindakan yang tegas dan membantu agensi penguatkuasaan termasuk PDRM untuk menangani masalah penyalahgunaan media sosial.

Menurut laporan SKMM, antara tahun 2018 dan 2019, sebanyak 47 kertas siasatan telahpun dibuka berkaitan aduan salahguna media sosial dan 5 daripadanya dijatuhkan hukuman.

Sebanyak 2358 proses bantuan teknikal dan pengenalpasti maklumat bagi membantu proses siasatan agensi penguatkuasaan telahpun dilaksanakan dan sebanyak 3047 akaun media sosial palsu yang disalahgunakan untuk menyebarkan mesej bersifat ekstremis, kebencian dan fitnah serta 1163 akaun dengan kandungan sama dipadamkan dengan kerjasama platform media sosial antarabangsa.

Perpaduan antara kaum dan ketenteraman awam di dalam negara kita perlu diberikan keutamaan. Sebarang tindakan atau kegiatan yang boleh menjejaskan keharmonian di antara kaum seperti tindakan menghina mana-mana agama ataupun kaum tertentu yang boleh mengancam keselamatan negara, perlu

dibendung dan tindakan yang tegas perlu diambil dengan serta-merta terhadap mereka yang melakukan sebarang kesalahan yang sedemikian.

Kerajaan kini dalam proses membuat pindaan kepada undang-undang untuk menjadikan peruntukan mengenai sebarang ancaman ke atas perpaduan dan keselamatan negara lebih efektif. Ini juga termasuk undang-undang yang perlu untuk menyekat penyebaran maklumat yang palsu dan berbaur perkauman dengan pantas dan berkesan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa pada ketika kerajaan dalam proses menyediakan pindaan yang dinyatakan, peruntukan yang sedia ada dibawa Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan undang-undang lain masih berkuatkuasa dan terpakai.

Di mana aduan dibuat, maka tindakan segera perlu dilaksanakan oleh SKMM sepertimana yang termaktub di bawah undang-undang sedia ada tanpa sebarang kelewatan dan sekiranya siasatan menunjukkan wujudnya kes terhadap mana-mana pihak maka kertas siasatan itu perlulah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan susulan segera.

GOBIND SINGH DEO
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
5 MAC 2019